

# YAHUDI DAN BAKTERIA



لا مرحبا  
بالصهاينة في بلدي

DR. 'ABD AL-WAHHĀB AL-MASĪRĪ

Diterjemahkan Oleh:  
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



GLOBAL PEACE  
MISSION  
Malaysia

Terbit edisi e-buku, Mei 2022  
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Judul Asal: *Al-Yahūd wa al-Baktīrīyā*  
Pengarang: Dr. ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī  
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail  
Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail  
Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiyah Azizan  
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)  
No. 6, Jalan TC 2A/2,  
Taman Cemerlang  
53100 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500  
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299  
No.Faks: +603-4108 2400  
Emel: abimpressmy@gmail.com  
Laman Sesawang: www.abimpress.com  
FB: www.facebook.com/abimpressmy

E-Buku ini diterbitkan dengan kerjasama:



Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun  
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di  
halaman FB Abim Press:



# MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat kepada karya Dr. ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī dengan judul asalnya *Al-Yahūd wa Al-Baktīrīyā* yang kita terjemahkan ‘*Yahudi dan Bakteria*.’

Karya ini merupakan analisis al-Masīrī kepada sebuah fenomena yang ganjil: yahudi mustahil mewujudkan negara secara bersendirian, ia menjadi umpama bakteria yang menumpang kepada hos dan memudaratkan mana-mana masyarakat yang ‘dijangkiti’nya. Beliau menjelaskan bahawa bangsa yahudi sendiri melihat sikap anti-semitisme sebagai sesuatu yang logik dan semulajadi lantas wajar diterima

seadanya. Beliau mengaitkan bagaimana kebakteriaan yahudi ini telah membentuk cara berfikir yahudi yang sentiasa membuang diri mereka sendiri dan men'jangkit'i komuniti lain, di mana jutaan rakyat israel berhijrah ke Amerika Syarikat meskipun israel sudah tertubuh. Analisis ini wajar ditelaah dan dihayati yang akhirnya akan memunculkan persoalan kepada asas penubuhan negara haram israel itu sendiri.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarkan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qur'an.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

21 Syaaban 1443H / 24 Mac 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.

# YAHUDI DAN BAKTERIA



Ke hari ini, sisi pemikiran zionis masih belum disingkap dengan tuntas. Ia pada hakikatnya bermula daripada kepercayaan bahawa sikap anti-semitik – yakni anti-Yahudi – merupakan salah satu daripada sifat yang kekal di dalam jiwa manusia yang takkan bertukar meskipun keadaan dan zaman silih berganti. Oleh itu, zionis merupakan anak lahir zamannya (yakni dilahirkan dalam masa dan kondisi spatio-temporal tertentu), yakni di Eropah pada kurun 19M, di mana ia merupakan zaman imperial yang telah melahirkan idea rasisme dan nazisme. Idea zionisme merupakan salah satu idea terkutuk yang lahir di zaman itu.

Oleh kerana itu, tidaklah hairanlah sekiranya zionis menerima dan mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai idea-idea dan pemikiran anti-semitik di Barat. Karya-karya zionis sarat dengan perbincangan mengenai entiti

yahudi yang ditimpa penyakit luar biasa juga berada di pinggiran dan tidak mampu memberikan apa-apa faedah (kepada masyarakat), mereka tidak memiliki sebarang kerja melainkan dalam perniagaan. Max Nordau, dan sesudahnya pula Hitler, telah menggunakan metafora 'organisme' dan mengaplikasikannya ke atas setiap anggota kumpulan-kumpulan yahudi. Idea 'organisme' ini melihat bahawa seluruh fenomena manusiawi tertakluk kepada kanun dan ketetapan biologi, oleh kerana itu tidak ada sebarang cara untuk melepaskan diri daripadanya melainkan dengan menerimanya sebagai sebuah hakikat yang kekal. Pandangan darwinistik ini tidak membezakan antara manusia dan binatang. Di dalam memerikan gambaran yang hina ini, Nordau menyamakan yahudi dengan 'organisme halus' – yakni seperti bakteria atau virus – yang pada sendirinya tidaklah memudaratkan sekiranya ia hanya terapung-apung di udara saja, akan tetapi ia akan mengakibatkan penyakit terburuk sekiranya dihalang daripada oksigen. Selanjutnya dia membahaskan mengenai alam yang 'rasis' ini untuk memberi amaran kepada seluruh pemerintahan dan masyarakat yang yahudi boleh menjadi sumber kepada marabahaya ini.

Para zionis berpendapat – bermula daripada sudut pandang yang rasis ini – bahawa sikap anti-semitik merupakan satu fenomena dan tindakbalas semulajadi kepada kewujudan yahudi sebagai sebuah ketulan ganjil yang tumbuh di sesebuah masyarakat yang

di'hingapi'nya. Ia pada hakikatnya merupakan satu fenomena biologis – hendak kita perhatikan bagaimana idea organisme biologis (bagi yahudi) ini mengakibatkan fatalisme biologis kepada anti-semitisme.

Judah Gordon pernah menyebutkan bahawa kecemerlangan kelompok rasionalis yahudi disebabkan penerimaan mereka akan hakikat (organisme yahudi) ini, yakni mereka menerima segala tuduhan anti-semitik. Persahabatan yang erat terjalin antara Chaim Weizmann dan Richard Crossman –pemimpin *Labour Party* Britain – apabila (Crossman) mengakui bahawa dirinya ‘anti-semitik secara semulajadi’ – yakni sesuai dengan semulajadinya dunia ini, keadaan semulajadi yahudi dan hubungan semulajadi mereka dengan orang lain. Weizmann memberi komen kepada kenyataan ini, “Kalaulah Crossman berkata selain ini, maka antara dua: sama ada dia berbohong kepada dirinya sendiri atau berbohong kepada orang lain.”

Pemikir zionis Jakob Klatzkin menyifatkan anti-semitisme sebagai pembelaan yang berjustifikasi –yakni semulajadi dan pasti – kepada diri (dalam menentang yahudi). Begitu juga Yitzhak Shamir, mantan perdana menteri israel, menyifatkan permusuhan rakyat Poland kepada yahudi, dia mengatakan mereka (rakyat Poland) menyusuinya (anti-semitisme itu) bersama susu ibu mereka (yakni dididik dengan sikap ini sejak kecil). Shamir di sini telah menyamakan antara perbuatan

moral dan perbuatan biologis. Weizman menyifatkan anti-semitisme bahawa ia umpama bakteria yang ada kalanya tenang, akan tetapi apabila peluang terbuka di hadapannya, ia akan hidup mengganas semula. Demikianlah yahudi yang tidak membezakan pelbagai bentuk anti-semitisme. Mereka melihatnya umpama sebuah organisme penuh yang kaedahnya akan berulang-ulang pada setiap tempat dan masa. Mereka juga berpendapat bahawa tidak ada faedahnya melawan fenomena (anti-semitisme) ini kerana ia merupakan salah satu perkara yang pasti (berlaku).

Para zionis telah mengemukakan sebuah visi sejarawi<sup>1</sup> yang menjelaskan pemahaman yahudi bahawa mereka berada di dalam buangan semenjak runtuhnya kuil (di Palestin). Begitu juga (mereka memahami) bahawa mereka ini orang-orang sakit yang saling berpecah-belah, kesetiaannya yang turut berbelah-bahagi selama mana ia tinggal di tanah air bangsanya, yakni Palestin yang kini terjajah (oleh mereka). (Mereka juga memahami) sekiranya mereka dibiarkan untuk mengatur urusan sendiri, sudah tentu mereka akan kembali ke Palestin tanpa sebarang keraguan lagi agar disembuhkan daripada segala penyakit yang menimpa mereka. Bahkan, seluruh sejarah zionis berpegang (dengan idea) wujudnya sebuah alur sejarah yang berulang-ulang, yang dinamakan 'sejarah yahudi': (1) diusir dari Palestin, (2) kembali ke Palestin; diusir ke Mesir lalu kembali ke Palestin, diusir ke Babylon lalu kembali ke

---

1 Al-Masīrī juga telah menulis sebuah karya yang padat berkenaan latar belakang idea sejarawi zionis ini, yang diterbitkan sekali dalam siri e-buku 'Korpus Palestin' dengan judul 'Visi Sejarawi Zionis.' Hendaklah dirujuk.



Palestin, dan pada akhirnya diusir ke seluruh pelusuk dunia lalu kembali secara muktamad ke israel, yakni Palestin. Ini bererti sebuah pengakhiran bagi melodrama sejarah: kembalinya mereka ke *zion* – tanah kembali.

\*\*\*

Di sini, sebuah soalan boleh ditimbulkan: bagaimana pula keadaannya dengan mereka yang enggan ‘kembali’ (ke *zion* mereka) dan kekal menetap di tanah air mereka (tempat kelahiran asalnya)? Dapat diperhatikan sendiri bagaimana sejurus selepas penubuhan israel, bangsa yahudi tidak bersegera pulang ke *zion* mereka ini, dan (yahudi) yang terusir ini tidak dapat dikumpulkan sepertimana yang dijangkakan zionis. Ben Gurion terpaksa mencipta istilah ‘orang-orang yang rohaninya terbuang’ untuk menyifatkan kaum yahudi yang hidup secara jasmaninya dengan senang-lenang di dalam buangan, akan tetapi mereka tanpa syak lagi (menurut Ben Gurion) orang yang terseksa rohaninya. Kita dapat melihat bahawa orang yang rohaninya terbuang ini merupakan majoriti yahudi di dunia; yakni bangsa yahudi hinggalah selepas pembentukan negara zionis kekallah sebagai diaspora (yakni tinggal di luar negara). Oleh itu, perkataan ibrani ‘*Galut*’ yang bermakna ‘pembuangan terpaksa’ diubah menjadi ‘*Tefutsot*’ perkataan ibrani yang bermakna ‘pembuangan secara pilihan’ (yang membentuk diaspora), dan ini merupakan percanggahan istilah yang mendalam.

\*\*\*

Amerika Syarikat memberikan cabaran yang besar kepada idea ‘pembuangan’ (yahudi), kerana ia (Amerika Syarikat) memiliki kekuatan graviti yang menarik majoriti yahudi diaspora (untuk berpindah kepadanya). Kumpulan yahudi daripada Eropah Timur – yahudi *yiddish* – dan selainnya daripada diaspora berhijrah ke dalamnya (Amerika Syarikat), dan hanya segelintir kecil sahaja yang berhijrah ke Palestin.<sup>2</sup> Hal ini kerana pintu-pintu Amerika Syarikat terbentang luas buat mereka. Yahudi yang menetap di Amerika Syarikat mula melihat kepada israel bukan lagi sebagai tanah air bangsa mereka, akan tetapi sebagai tanah air asal mereka atau pertiwi, sama seperti orang Amerika yang berbangsa *Irish* menanggapi Ireland (sebagai tanah air asal). Akan tetapi perspektif ini menjelaskan bahawa Amerika Syarikat bukanlah tempat buangan, akan tetapi ia merupakan negeri tempat hijrah yang dikehendaki oleh orang-orang yahudi secara sukarela kerana ingin mencari peluang hidup baru. Meskipun Amerika Syarikat tidak menjadi zion – tempat kembali mereka – yang bakal mewujudkan mimpi agamawi mereka – mimpi yang dialami oleh orang sakit mental – ia (Amerika Syarikat) menjadi ‘*Goldene Medina*,’ kalimat *yiddish* yang bermaksud ‘Negara Emas,’ istilah yang digunakan oleh mereka yang berhijrah daripada Eropah Timur – yahudi *yiddish* – untuk menggambarkan Amerika Syarikat: “Jalan-jalannya tertempa daripada perak, kakilimanya

---

2 Hijrah ke Palestin kembali ke zion dalam tafsiran zionis dinamakan ‘*Aliyah*,’ berasal daripada perkataan ‘*Laalot*’ yang bermaksud ‘naik ke atas,’ yang membawa maksud ketinggian spiritual seseorang yang kembali ke zion. Orang yang telah berhijrah ke zion dinamakan sebagai ‘*Oleh*.’

daripada emas!” Amerika Syarikat kekal menjadi *Goldene Medina* atau Negara Emas yang menjadi tumpuan perpindahan yahudi diaspora, termasuklah juga orang israel sendiri, ganti kepada zion mereka. Situasi ini menjadikan sebahagian orang menamakannya sebagai ‘*Golden Calf* – lembu emas.<sup>3</sup> *Goldene Medina* ini merupakan zion bagi sekularisme yang tidak akan menjanjikan sesiapaupun akan kebebasan jiwa serta spiritualnya, akan tetapi menjanjikan kebebasan jasmani bagi semua orang melalui produk, hiburan dan kesenangan. Kenaikan peratusan kesekularan dalam kalangan yahudi diaspora boleh jadi menjadi faktor utama yang menjadikan mereka berhijrah ke Amerika Syarikat dengan idea (kebebasan jasmani) ini. Mereka (yahudi) yang berhijrah daripada Soviet menjelaskan bahawa ketaatan hakiki mereka bertumpu kepada zion sekular (yakni Amerika Syarikat) ini, dan israel hanyalah tempat transit sementara untuk menunggu visa ke Amerika Syarikat.

Bahkan sekiranya diperhatikan rakyat israel – termasuklah generasi Sabra, yakni mereka yang dilahirkan dan membesar di Palestin (sebelum perang 1967) – begitu tertarik untuk (berhijrah) ke zion sekular ini – negara emas – dan (berminat) untuk meninggalkan zion agama mereka. Mereka yang berhijrah lalu menetap di zion sekular ini dinamakan ‘diaspora israel’ – satu penghinaan tertinggi

---

3 Merujuk kepada kisah Samiri memurtadkan bani israel dengan mengajak mereka menyembah berhala lembu emas (ibrani: *eggel hazahav*, arab: *Al-Ijl*) justeru mensyirikkan Allāh. Ia diriwayatkan di dalam al-Qur’ān (Al-A’rāf, 138 & 148. Taha, 88). Ia diriwayatkan dalam Perjanjian Lama, Kitab Keluaran (*Exodus*) 32:4.

buat mereka. Perkataan *diaspora* merupakan perkataan yunani yang seerti dengan perkataan ibrani 'galut' yang mengandungi makna pengusiran dan pembuangan. Untuk apa mereka yang tidak diusir secara paksa dari zion mereka dinamakan sebegini (sebagai diaspora)? Bahkan mereka lari daripadanya (israel) secara sukarela, bagaimana wajar kita menamakan mereka diaspora? Inilah dia salah satu ciri istilah-istilah yang digunakan zionis: (penciptaan) istilah campur aduk yang kadangkala membawa satu makna, dan pada ketika lain ia membawa makna sebaliknya pula.

Bilangan 'diaspora israel' di Amerika Syarikat mencecah 500 ribu menurut maklumat banci rasmi, sementara menurut anggaran tidak rasmi, bilangannya mencecah 750 ribu, dan sekiranya anak-anak diaspora ini turut dihitng sekali, ia mencecah 1 juta orang. Salah sebuah surat khabar israel menyatakan bahawa bilangan penduduk negara zionis itu semenjak penubuhannya 1948 tidak pernah melebihi 700 ribu orang, yakni lebih sedikit daripada bilangan orang yang berpindah keluar daripadanya – hal yang mencabar keabsahannya (negara zionis ini). Fenomena ini dinamakan 'Keluaran Kedua' – *Second Exodus*, dan perkataan *exodus* sendiri merupakan perkataan yunani yang bermaksud 'keluar daripada Mesir – negeri perhambaan – ke Palestin – negeri kembali dan kebebasan.' Keluaran kedua ini bertentangan sekali dengan Keluaran pertama, di mana ia merupakan keluaran daripada negeri zion yang bergelumang dengan

pergelutan dan berada dalam capaian roket-roket pejuang al-Qassam, (berpindah) ke zion sekular, ke tanah buangan menjadi hamba kesenangan, di mana udaranya sentiasa bersih dan hidupnya aman tenteram.

Allāh Maha Tahu.

\*\*\*

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi karangan Dr. al-Masīrī ini, yang dijudulkan sebagai “*Yabudi dan Bakteria*,” pada Ḍuḥā 21 Sha‘bān 1443H, bersamaan 24.3.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

